

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal tempatan **yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan bertaraf Bumiputera** yang masih lagi berkuat kuasa serta memiliki **salah satu** kod bidang berkaitan sepertimana berikut:

NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	ANGGARAN JABATAN	TARIKH & MASA BUKA/TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
EAIC/SH/03/2026 Perkhidmatan Pelan Media Bersepadu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	222001 - Media elektronik - tidak termasuk kerja percetakan; atau 222002 - Media cetak – tidak termasuk kerja percetakan.	RM75,000.00	04 Mac 2026 (Rabu) Hingga 13 Mac 2026 (Jumaat) Jam 12.00 Tengah Hari	Peti Sebut Harga Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No.18 Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 W.P Putrajaya.

1) Dokumen Sebut Harga

- i. Penyebut harga boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Putrajaya pada hari dan waktu bekerja sahaja sebelum tarikh tutup sebut harga.
- ii. Penyebut harga boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga secara emel kepada eaic-perolehan@eaic.gov.my dengan menyatakan nama dan alamat lengkap syarikat kerana Borang Sebut Harga (Lampiran Q) akan diberikan nombor siri untuk pengawalan.
- iii. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi iaitu **Sampul Dokumen Teknikal dan Sampul Dokumen Kewangan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **dilakri dan dilabelkan dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga**.

- iv. Dokumen Sebut Harga perlu dihantar secara serahan tangan (hadir ke pejabat EAIC dengan memasukkan Dokumen Sebut Harga tersebut ke dalam Peti Sebut Harga) atau menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier ke alamat berikut sebelum atau pada:

Tarikh Tutup : 13 Mac 2026 (Jumaat)
Masa : 12.00 tengah hari
Tempat : Aras 5, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Putrajaya.

- v. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada **13 Mac 2026 (Jumaat)** selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- vi. Sebut harga yang lewat dihantar tidak akan diterima atau dilayan. Pihak EAIC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung.
- vii. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen sebut harga.
- 2) Sebarang pertanyaan berhubung Kenyataan Tawaran Sebut Harga ini, sila kemukakan melalui emel atau menghubungi Urus Setia Sebut Harga EAIC sepertimana berikut:

Nama	Alamat Emel	No. Telefon
Puan Siti Suraya binti Baharuddin	eaic- perolehan@eaic.gov.my	03-8880 5717
Encik Muhammad Amirrul Fitri bin Dzulkifli		03-8880 5716